

03 APR 2001

Parlimen-Mahathir (Dasar)

DASAR WAWASAN NEGARA BENTUK BANGSA MALAYSIA PROGRESIF

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Dasar Wawasan Negara yang dibentangkan bersama Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) hari ini bertujuan membentuk satu Bangsa Malaysia yang progresif dan makmur yang hidup dalam keharmonian serta berkongsi untung nasib sepenuhnya dengan saksama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pertumbuhan ekonomi akan terus diusahakan di samping tumpuan kepada pengurangan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat serta pengurangan ketidakseimbangan sosial, ekonomi dan wilayah.

Katanya di samping meningkatkan tahap kebendaaan dan kemakmuran, usaha khusus akan diambil untuk menanam nilai sosial dan kerohanian bagi mengimbangi sikap kebendaaan yang keterlaluan.

"Dasar Wawasan Negara akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan yang mapan dan mesra alam untuk memastikan alam sekitar yang bersih, sihat serta berupaya memenuhi aspirasi negara," katanya semasa membentangkan RRJP3 di Dewan Rakyat hari ini .

Beliau berkata fasa pertama Wawasan 2020 yang menyaksikan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dalam tempoh 1990an telah berjaya menghasilkan pertumbuhan pesat dengan perubahan meluas dalam bidang ekonomi, sosial dan institusi fizikal.

Perdana Menteri berkata menyedari cabaran globalisasi, dasar pembangunan negara akan ditumpukan ke arah membina sebuah negara yang berdaya tahan dan mampu bersaing di pasaran dunia.

"Untuk menghasilkan khidmat dan barangan yang berdaya saing di seluruh dunia, kita rakyat Malaysia perlu lebih berdisiplin dan lebih bijak dalam segala urusan kerja kita," katanya.

Rakyat Malaysia juga perlu sentiasa menghormati keamanan dan keharmonian yang dinikmati di negara ini kerana ia merupakan asas penting kepada semua usaha pembangunan negara.

"Kita perlu meningkatkan usaha memupuk perpaduan negara dan membina masyarakat yang bertolak ansur serta penyayang demi kesejahteraan dan kemakmuran kita semua," katanya.

Dr Mahathir berkata jika seruan supaya bersikap rasional dalam meluahkan perasaan tidak puas hati mengenai isu politik, ekonomi dan sosial diketepikan, pelaksanaan undang-undang lebih tegas perlu diterima.

Perdana Menteri turut menggariskan dimensi baru Dasar Wawasan Negara yang merangkumi usaha membangunkan Malaysia sebagai masyarakat berasaskan pengetahuan, menjana pertumbuhan berdasarkan sumber dan kekuatan tempatan, menjadikan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan lebih dinamik selain membasmi kemiskinan kelompok kecil miskin di bandar dan pedalaman serta kumpulan suku kaum minoriti di Sabah dan Sarawak serta orang Asli.

Ia juga merangkumi pencapaian penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi serta pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang 2010 dan mengubah pembangunan sumber manusia bagi menyokong pembentukan masyarakat berasaskan pengetahuan.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia hendaklah berusaha mencapai kematangan politik dan tidak terjerumus ke dalam fahaman sempit dan berpandangan ekstrim.

Katanya bagi membina masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan harmoni, rakyat perlu bertolak ansur dan menerima pelbagai tradisi masyarakat yang wujud dalam masyarakat majmuk.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia juga mesti bersedia untuk bekerja kuat dan bijak, berdisiplin dan mempunyai etika kerja yang baik di samping menjadikan nilai dan etika bangsa sebagai pegangan.

Dr Mahathir berkata kejayaan Dasar Wawasan Negara memerlukan komitmen sepenuhnya daripada rakyat.

"Kita hendaklah bersedia mencipta semula diri kita, mengubah cara pemikiran kita, berinovatif, pintar dan berdisiplin dalam menghadapi cabaran yang semakin meningkat," katanya.

-- BERNAMA

HS HS MAI